

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JUN 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/06/1119262/kerajaan-tumpu-pelaksanaan-subsidi-bersasar-diesel-petrol>

Kerajaan tumpu pelaksanaan subsidi bersasar diesel, petrol



Rafizi ketika menjadi ahli panel pada sesi pleno di persidangan Asia Energy 2023 di Kuala Lumpur, hari ini - NSTP/Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Selepas kejayaan pelaksanaan subsidi bersasar membabitkan tenaga elektrik, langkah serupa akan diteruskan kerajaan bagi diesel dan petrol, demikian menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, hal ini kerana pelaksanaan subsidi menyeluruh sudah menjadi sesuatu yang sebatik dalam ekonomi Malaysia untuk tempoh beberapa dekad ini.

Katanya, cubaan kerajaan untuk secara perlahan-lahan membawa rakyat beralih keluar daripada sistem subsidi ke arah sistem subsidi bersasar bukan tugas yang mudah, tetapi ia boleh dilakukan.

"Saya berasa amat yakin kerana kita telah mengambil langkah ini dan tidak berganjak dengannya dalam tempoh enam bulan lalu. Menyasarkan semula subsidi elektrik sudah dilakukan, seterusnya kami akan beralih kepada subsidi diesel dan petrol pula.

"Mengenai perkara ini, apa yang berada di dalam kawalan kerajaan kita terus laksanakan, namun ia juga menjadi satu cabaran untuk mencapai keseimbangan di antara pembiayaan dan keupayaan.

"Terdapat perdebatan untuk memastikan peralihan yang adil sama ada mengambil pendekatan secara beransur-ansur atau secara sekali gus," katanya ketika menjadi ahli panel pada sesi pleno di persidangan Asia Energy 2023 di sini, hari ini.

Kementerian Kewangan (MoF) baru-baru ini memaklumkan jumlah perbelanjaan subsidi kepenggunaan bagi 2022 adalah sebanyak RM66.3 bilion.

Ia merangkumi subsidi petrol, diesel dan gas cecair memasak, skim subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik dan subsidi harga ayam dan telur yang merupakan antara subsidi dengan perbelanjaan terbesar.

Kerajaan masih mengekalkan harga siling petrol RON95 dan diesel sehingga kini, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk sudah melebihi paras harga siling yang ditetapkan.

Bagi mengimbangi tanggungan subsidi dengan keperluan untuk terus memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat, kerajaan sedang meneroka langkah menambah baik pemberian subsidi secara lebih bersasar.

Ia bagi mengurangkan ketirisan dalam masa yang sama supaya penjimatan subsidi dapat digunakan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kepada program dan projek yang memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata bagi ekonomi seperti Malaysia, kerajaan perlu merancang kesemuanya supaya akan ada peralihan mengikut fasa demi fasa kerana kerajaan perlu memastikan akan ada pembiayaan dan dasar fiskal yang betul ke arah itu.

"(Selain itu) insentif yang tepat untuk masyarakat bergerak secara berperingkat bagi menjauhi bahan api fosil dan lebih kepada tenaga hijau selain memastikan bahawa kita akan dapat memanfaatkan kekuatan sedia ada dalam minyak dan gas atau industri lain untuk membawa keupayaan yang betul dalam pasaran demi membina ekonomi hijau dan peralihan tenaga.

"Pada akhirnya, rakyat perlu merasai perubahan dalam peralihan tenaga, mereka perlu menghargai bahawa kerajaan sedang menguruskan risiko iklim dan pada masa sama mereka perlu menjadi sebahagian daripada ekonomi ini," katanya.